



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada semua warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Sembilan) yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan seperti berikut:-

A. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI
PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PERANCANGAN STRATEGIK)	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	PNS 5	SECARA KONTRAK	PNS 5 GAJI MINIMUM : RM2,185.00 GAJI MAKSIMUM : RM6,946.00

NOTA:

PENETAPAN GAJI ADALAH TERTAKLUK KEPADA PENGALAMAN.

JADUAL GAJI DI ATAS TIDAK TERMASUK ELAUN-ELAUN LAIN.

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) warganegara Malaysia; dan
- b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- c) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d) Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- e) Diploma dalam bidang Pengurusan Projek, Perancangan Bandar dan Wilayah, Seni Bina atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- f) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan oleh Kerajaan.

C. DISKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu tugas dalam menjalankan fungsi dan objektif Bahagian Perancangan Strategik termasuk membantu melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di Bahagian Perancangan Strategik yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, pemfailan dokumen, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

D. KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON BERIKUT

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja dalam pentadbiran atau perancangan strategik;
- ii. Kemahiran dalam penggunaan perisian Microsoft Office, terutamanya Excel dan PowerPoint. Juga berkemahiran dalam menggunakan perisian AutoCAD dan Adobe Illustrator.
- iii. Kemampuan bekerja dalam pasukan dan menyesuaikan diri dalam persekitaran kerja yang dinamik.
- iv. Memiliki minda analitikal yang sangat baik, mempunyai daya kepimpinan dan integriti yang tinggi dan berkeupayaan bekerja di bawah tekanan serta mampu bekerja secara berdikari termasuk menyelesaikan masalah dengan cekap dan pantas;
- v. Mempunyai kemahiran komunikasi yang cemerlang dan bermotivasi tinggi serta boleh bekerja dalam satu pasukan dengan semua peringkat kakitangan serta berpenampilan menarik;
- vi. Memiliki pengetahuan dan pemikiran strategik dengan visi yang hebat serta pemahaman yang tinggi dalam strategi pembangunan, ekonomi serta analisa perniagaan.
- vii. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

E. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT

- i. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati secara percuma di:-
 - a) Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
Aras 7, Sayap Utara,
Menara MAINS,
70100 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
- ATAU**
- b) Muat Turun Borang dari Laman Web Rasmi Perbadanan NS www.nscorp.gov.my
- ii. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama salinan dokumen yang telah disahkan :-
 - a) Sijil Kelahiran
 - b) Kad Pengenalan (depan / belakang)
 - c) Sijil Berhenti Sekolah
 - d) Sijil / Diploma atau Dokumen lain berkaitan
- iii. Semua permohonan hendaklah mengemukakan *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap.
- iv. **Mengemukakan kertas cadangan ringkasan mengenai hala tuju dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir Perancangan Strategik Perbadanan NS.**
- v. Permohonan daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah di kemukakan melalui Ketua Jabatanmasing-masing dengan melampirkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini mengikut Perintah Am Bab 'A' Perenggan 21
- vi. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah di alamatkan kepada:-

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan NS,
Aras 7, Sayap Utara, Menara MAINS
70100 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
(u.p.: Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 20 SEPTEMBER 2024

F. CATATAN AM

- i. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
 - a) Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.
 - b) Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan dokumen tidak disahkan.
 - c) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup.
- ii. Calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga
- iii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 (tiga) bulan daripada tarikh tutupiklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya
- iv. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.